



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2023
UKUR BAHAN**

KOD : PJU021

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**

TARIKH : 7 OGOS 2023

MASA : 2.00 PTG. – 5.00 PTG.

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada setiap helaian kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan.** Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.
2. Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja.** Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.
4. **Jawab secukup soalan sahaja** mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.
5. Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.
6. Calon-calun digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan di mana yang sesuai.
7. **Calon-calun dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan** melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.
8. Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas jawapan.
9. Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calun adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.
10. Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.
11. Calon-calun dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.
12. **Calon-calun tidak dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit** dari mulanya peperiksaan.
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calun yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.**
14. **Calon-calun yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.**

PERKARA : PJU021 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.

*Jawab satu (1) soalan **WAJIB** di Bahagian A dan mana-mana empat (4) soalan di Bahagian B.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

Bahagian A

SOALAN 1

Analisis Kos Elemen (*Elemental Cost Analysis - ECA*) merupakan salah satu kaedah dalam penyediaan anggaran kos projek.

a) Berikan definisi *ECA*.

(2 markah)

b) Senaraikan **lima (5)** klasifikasi jenis bangunan dalam borang *ECA*.

(5 markah)

c) Nyatakan **tiga (3)** tujuan *ECA* disediakan.

(9 markah)

d) Jadual *ECA* mempunyai beberapa maklumat analisis kos bagi tujuan penyediaan anggaran awalan. Senaraikan **dua (2)** jenis analisis maklumat yang boleh diperolehi daripada jadual *ECA*.

(4 markah)

Bahagian B

SOALAN 2

Perolehan kerja secara sebut harga adalah tertakluk kepada peraturan di dalam Pekeliling Perbendaharaan.

- a) Nyatakan **lima (5)** kandungan dokumen sebut harga.

(5 markah)

- b) Senaraikan **lima (5)** kandungan Pemberitahuan / Notis Sebut Harga.

(5 markah)

- c) Huraikan tatacara penubuhan dan keahlian Jawatankuasa Sebut Harga.

(6 markah)

- d) Huraikan secara ringkas tugas Jawatankuasa Sebut Harga.

(4 markah)

SOALAN 3

Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa / Pengarah Projek selaras dengan peraturan di dalam Arahan Perbendaharaan 202.

- a) Penyediaan Arahan Perubahan Kerja hendaklah mematuhi perkara-perkara selaras dengan syarat-syarat kontrak dan Arahan Perbendaharaan. Nyatakan **lima (5)** perkara yang perlu dipatuhi dalam penyediaan APK.

(10 markah)

- b) Senaraikan **lima (5)** langkah yang boleh diambil oleh Pegawai Penguasa / Pengarah Projek untuk mengawal perubahan kerja.

(10 markah)

SOALAN 4

Maklumat Kontrak		
Kontraktor	:	Kerja Raya Holdings
Harga Kontrak	:	RM25,500,000.00
Wang Peruntukan Sementara	:	RM1,500,000.00
Tarikh Milik Tapak	:	11 Januari 2023
Tarikh Siap	:	10 Disember 2025

Jadual 4

Berdasarkan **jadual 4** di atas:

- a) Nyatakan **nilai dan tempoh** insurans kerja bagi kontrak ini.

(4 markah)

- b) Bayaran Pendahuluan hendaklah disediakan apabila terdapat permohonan daripada kontraktor. Senaraikan **lima (5)** syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor untuk memohon Wang Pendahuluan.

(10 markah)

- c) Nyatakan formula kiraan Wang Pendahuluan dan kirakan nilai bayaran pendahuluan yang boleh disyorkan kepada kontraktor.

(4 markah)

- d) Kirakan nilai Wang Jaminan Pelaksanaan / Bon Pelaksanaan.

(2 markah)

SOALAN 5

Dokumen kontrak merupakan suatu dokumen bertulis yang penting dalam pelaksanaan kerja pembinaan.

- a) Nyatakan **tiga (3)** perbezaan antara dokumen kontrak berdasarkan senarai kuantiti dan dokumen kontrak berdasarkan lukisan dan spesifikasi.

(6 markah)

- b) Amaun liputan Insurans Tanggungan Awam bergantung kepada jumlah harga kontrak selaras dengan arahan Ketua Pengarah Kerja Raya. Lengkapkan ruang bertanda **(i) hingga (viii)** pada **jadual 5** di bawah dengan mengisi amaun minimum bagi setiap kemalangan mengikut harga kontrak.

Harga Kontrak	Liputan Minimum Bagi Setiap Kemalangan
Tidak melebihi RM50,000	(i)
RM50,001 hingga RM100,000	(ii)
RM100,001 hingga RM200,000	(iii)
RM200,001 hingga RM500,000	(iv)
RM500,001 hingga RM5 juta	(v)
Melebihi RM5 juta hingga RM20 juta	(vi)
Melebihi RM20 juta hingga RM50 juta	(vii)
Melebihi RM50 juta	(viii)

Jadual 5

(8 markah)

- c) Dokumen kontrak perlu disediakan dengan kadar segera setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Senaraikan **enam (6)** pejabat / pihak untuk edaran dokumen kontrak.

(6 markah)

SOALAN 6

a) Apabila penyiapan kerja didapati lewat dan sebab kelambatan tidak melayakkan kontraktor mendapat lanjutan masa, maka kerugian yang dialami oleh kerajaan akibat daripada kelambatan tersebut perlu ditanggung oleh kontraktor.

i) Berdasarkan syarat-syarat kontrak, nyatakan tindakan yang perlu diambil oleh Pegawai Penguasa / Pengarah Projek sebelum kenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dilaksanakan.

(2 markah)

ii) Bilakah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan boleh dikenakan kepada kontraktor?

(2 markah)

iii) Pemantauan kemajuan kerja perlu dibuat dengan lebih rapi setelah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dikenakan kepada kontraktor. Huraikan secara ringkas tindakan yang perlu diambil oleh Pegawai Penguasa / Pengarah Projek.

(6 markah)

b) Kerajaan boleh menimbang untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor sekiranya kontraktor memungkir tanggungjawab kontraknya. Senaraikan **lima (5)** keadaan yang membolehkan kerajaan menimbang untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor.

(10 markah)

SOALAN 7

a) Berikan definisi Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad (PABM).

(4 markah)

b) Nyatakan **lima (5)** dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bersama Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

(10 markah)

c) Huraikan secara ringkas kaedah pelepasan Bon Pelaksanaan bermula dari pengeluaran Perakuan Siap Kerja sehingga Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan.

(6 markah)

SOALAN 8

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan penyiapan kerja yang praktikal?
(2 markah)
- b) Nyatakan **lima (5)** perkara yang perlu dipenuhi dalam menentukan sama ada kerja telah mencapai Penyiapan Praktikal.
(10 markah)
- c) Apakah yang dimaksudkan dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan?
(2 markah)
- d) Nyatakan tempoh sahlaku Bon Pelaksanaan mengikut nilai kontrak kerja berikut:
- i) Sehingga RM500 ribu
 - ii) Melebihi RM500 ribu sehingga RM10 juta
 - iii) Melebihi RM10 juta
- (6 markah)

SOALAN 9

- a) Nyatakan **empat (4)** asas tuntutan yang dibenarkan selaras dengan Arahan Perbendaharaan.
(8 markah)
- b) Kontraktor berhak menuntut disebabkan pelanggaran kontrak atau kemungkiran kerajaan yang menyebabkan pelaksanaan kerja kontraktor terhalang atau lewat. Nyatakan **empat (4)** sebab yang membolehkan kontraktor menuntut kerugian dan / atau perbelanjaan tambahan.
(8 markah)
- c) Huraikan secara ringkas prosedur dan syarat-syarat kontrak (*PWD Form 203A*) yang melayakkan tuntutan kontraktor dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tuntutan.
(4 markah)

SOALAN 10

Lengkapkan ruang yang bertanda (i) hingga (x) pada **jadual 10** di bawah dengan mengisi nama borang berdasarkan nama rujukan borang piawai.

Rujukan Borang Piawai	Nama Borang Piawai
JKR 203D	(i)
JKR 203B	(ii)
<i>P.W.D FORM 203A</i>	(iii)
Borang 203T	(iv)
JKR 203S	(v)
JKR 203W	(vi)
JKR 203X	(vii)
JKR 203Y	(viii)
JKR 66	(ix)
JKR 66A	(x)

Jadual 10*(20 markah)*
